

22 OCT 1996

Mahathir-Tapis

GARIS PANDUAN PASTIKAN PENAPISAN PROGRAM TV SEMPURNA

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan perlu menyediakan garis panduan bagi dipatuhi stesen-stesen televisyen dan radio tempatan dalam memastikan penapisan setiap program yang disiarkan dilakukan dengan sempurna.

Katanya, kerajaan juga akan menyediakan syarat-syarat dalam pengambilan pegawai atau kakitangan penapisan yang berkelayakan untuk menjalankan tugas itu.

"Stesen-stesen berkenaan perlu kakitangan atau pegawai terdiri daripada mereka yang matang, berpengalaman luas dan faham tentang sensitiviti setiap agama serta tahu menilai mana yang baik dan sebaliknya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Operasi TV3 di Sri Pentas Bandar Utama dekat sini hari ini.

Beliau berkata penapis dalam antena-stesen berkenaan mestilah juga sensitif dengan apa yang diusahakan kerajaan untuk membangunkan negara dan membentuk peribadi bangsanya.

Dr Mahathir berkata adalah penting bagi seseorang penapis itu tidak terlalu liberal sehingga mengambil sesuatu perkara yang tidak baik di negara luar dan dicontohi rakyat negara ini.

Dr Mahathir berkata walaupun penapisan bahan siaran yang dilakukan stesen-stesen televisyen dan radio tempatan masa kini menepati kehendak kerajaan tetapi kadangkala mereka kurang sensitif dengan masalah yang dihadapi kerajaan untuk membendung gejala sosial yang sedang berlaku di negara ini.

Beliau memberi contoh mengenai insiden yang berlaku baru-baru ini yang mana sebuah syarikat televisyen swasta yang "terlepas dan tidak begitu bijak" untuk memilih gambar yang sesuai disiarkan.

"Baru-baru ini, sementara kita tidak menggalakkan perlumbaan motosikal haram tetapi ada pihak yang memperbesar-besarkan perlumbaan sedemikian seperti mana yang disanjung negara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata ledakan maklumat dan perkembangan pesat teknologi komunikasi sekarang menyebabkan peraturan dan jentera penapisan yang sedia ada tidak lagi mampu menangani ribuan bahan siaran yang diterima.

"Ia (peraturan dan jentera penapisan) berkesan dahulu di zaman penapisan filem rasmi yang dalam setahun ada lebih kurang 40 tajuk tapi sekarang adalah sukar hendak tapis kerana beribu-ribu jodol dikeluarkan dalam sehari. Kita dapati program televisyen disiarkan secara langsung, kalau begitu ia sukar hendak ditapis," katanya.

Beliau berkata kerajaan lebih berminat kepada program televisyen yang ditunda siarannya sedikit untuk memberikan masa kepada petugas penapisan membuat tapisan kepada bahan siaran.

Mengenai permohonan TV3 bagi mendapatkan kelulusan tambahan saluran dan siaran 24 jam, Perdana Menteri berkata: "Dalam pertimbangan. Semua permohonan kita timbang, bagi belum tentu."

Dalam ucapannya pengarah urusan TV3, Zahari Omar berharap kerajaan membuka peluang kepada pengusaha televisyen sedunia percuma yang ada sekarang yang telah terbukti prestasi cemerlangnya, mengendalikan lebih daripada satu saluran.

Katanya, dengan saluran tambahan serta lanjutan masa siaran itu, keperluan program tempatan boleh ditambah dan sekaligus pengusaha-pengusaha program tempatan mendapat peluang yang lebih.

Dr Mahathir bangga dengan pencapaian TV3 yang dalam masa singkat berjaya menguasai cara-cara sistem canggih dan berkebolehan memperkenalkan cara penyiaran baru yang dicipta selaras dengan masa depan cerah industri itu.

"Saya tidak sangka kemudahan terdapat di TV3 begitu besar dan canggih. Saya telah lihat juga kemudahan yang dimiliki pihak lain dan saya dapati kemudahan di sini sama dengan studio-studio lain yang terlibat dalam penyiaran," katanya.

Dr Mahathir juga mengesyorkan agar stesen-stesen TV tempatan dapat mengadakan pertukaran program-program berbentuk dokumentari dengan stesen-stesen TV luar negara bagi membolehkan dunia luar memahami lebih mendalam tentang cara hidup dan adat resam rakyat negara ini.

Katanya, perkara itu sering dibincangkannya dengan beberapa pemimpin negara asing dalam lawatan ke luar negara.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang mengiringi beliau dalam lawatan ke Sri Pentas, menjadi tetamu dalam rancangan "Nona".

Hadir sama ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat dan pengerusi Sistem Televisyen Malaysia Berhad, Datuk Mohd Noor Yusof.

Terdahulu Dr Mahathir mengadakan sidang video dengan empat orang pengurus besar anak syarikat TV3 mengenai perkembangan masing-masing.

-- BERNAMA

ZAB HS AHH